

FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)
AKTA INSOLVENSİ (PINDAAN) 2023 [AKTA A1695]

A. Latar belakang Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 [Akta A1695]

1. S: Apakah Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 [Akta A1695]?

J: Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 juga dikenali sebagai Akta A1695 adalah Akta yang digubal bertujuan untuk meminda peruntukan Akta Insolvensi 1967 [Akta 360].

2. S: Bilakah pindaan kepada Akta 360 yang dilaksanakan melalui Akta A1695 ini berkuat kuasa?

J: Akta A1695 telah diberi tarikh kuat kuasa oleh Menteri pada 6 Oktober 2023.

3. S: Apakah perkara-perkara pindaan atau penambahbaikan yang dilaksanakan melalui Akta A1695?

J: Pindaan dan penambahbaikan yang dilaksanakan kepada Akta 360 melibatkan perkara-perkara yang berikut:

- a) Penambahbaikan kepada pelepasan secara automatik;
- b) Penambahan 2 kategori bankrap yang boleh dilepaskan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) tanpa melalui bantahan pemiutang;
- c) Pemansuhan kewajipan KPI untuk memanggil mesyuarat pemiutang pertama;
- d) Pelaksanaan mesyuarat pemiutang secara teknologi komunikasi jarak jauh;

- e) Penghantaran notis dan dokumen dalam pentadbiran kebangkrapan secara komunikasi elektronik;
- f) Semakan semula nilai ke atas harta bankrap yang boleh dikecualikan daripada pembahagian dalam kalangan pemiutang; dan
- g) Semakan semula nilai bagi kelayakan pentadbiran ringkas.

B. (i) Penambahbaikan pelepasan secara automatik di bawah seksyen 33C Akta 360

1. S : Apakah pelepasan automatik?
J : Pelepasan automatik adalah pelepasan daripada kebangkrapan pada akhir tempoh 3 tahun yang dikira dari tarikh bankrap menyerahkan pernyataan hal ehwal. Sekiranya bankrap gagal untuk mematuhi syarat-syarat pelepasan automatik yang ditetapkan, pelepasan bankrap boleh digantungkan oleh mahkamah atau KPI untuk tempoh sehingga 2 tahun lagi. Peruntukan yang berkaitan adalah seksyen 33C Akta 360.

2. S : Apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh bankrap untuk dilepaskan secara automatik di bawah seksyen 33C Akta 360?
J : Syarat-syarat pelepasan secara automatik di bawah seksyen 33C Akta 360 adalah seperti yang berikut:

- (a) Bankrap telah menyerahkan Pernyataan Hal Ehwal (PHE) di bawah seksyen 16 Akta 360;
- (b) Bankrap telah membuat bayaran yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Insolvensi bagi keperluan pentadbiran estet bankrap, yang mengikut kemampuan kewangan bankrap; dan
- (c) Bankrap telah memfailkan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap tempoh 6 bulan.

Bankrap juga hendaklah memastikan semua obligasinya di bawah Akta 360 dilaksanakan dengan baik bagi mengelakkan apa-apa perintah penggantungan diberikan terhadap pelepasan bankrap.

3. S : Bagi maksud pelepasan automatik, apakah yang dimaksudkan dengan bankrap hendaklah mematuhi syarat dengan membuat bayaran yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Insolvensi bagi keperluan pentadbiran estet bankrap?

J : Salah satu syarat pelepasan automatik adalah bankrap hendaklah membuat bayaran yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Insolvensi bagi keperluan pentadbiran estet bankrap. Dalam perkara ini, KPI hendaklah menggunakan budi bicaranya untuk menentukan jumlah bayaran yang mampu dibayar oleh bankrap semasa tempoh pentadbiran kebankrapan. Antara perkara yang diberikan pertimbangan untuk mengukur kemampuan bayaran adalah pendapatan bulanan bankrap, pendapatan yang bakal diterima, nilai harta yang dimiliki bankrap, keadaan ekonomi semasa serta kos

sara hidup bankrap dan keluarganya yang munasabah. Perkara-perkara ini dinyatakan dalam subseksyen 33C(2) Akta 360.

4. S : Sekiranya bankrap bekerja secara *freelance* dan tiada pendapatan yang tetap adakah bankrap dikehendaki membayar jumlah bayaran yang ditentukan oleh KPI bagi tujuan pentadbiran estet kebankrapan?

J : Bankrap yang bekerja secara *freelance* dan tiada pendapatan tetap hendaklah membayar jumlah bayaran kepada estet kebankrapannya mengikut kemampuan kewangannya. KPI mempunyai budi bicara untuk menentukan jumlah bayaran tersebut mengikut kemampuan bankrap. Maklumat berkaitan pendapatan bankrap juga boleh diperolehi dari semasa ke semasa melalui penyata pendapatan dan perbelanjaan yang difailkan oleh bankrap setiap tempoh 6 bulan. Selanjutnya KPI boleh meminta bankrap untuk mengemukakan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan pendapatan, pendapatan yang bakal diterima dan harta bankrap dari semasa ke semasa. (subseksyen 33C(2A) Akta 360).

5. S : Apakah pelepasan secara automatik juga terpakai kepada bankrap yang mempunyai hutang yang tinggi?

J : Ya. Pelepasan automatik di bawah seksyen 33C Akta 360 tidak menetapkan syarat berkenaan had amaun hutang.

6. S : Apakah yang akan berlaku jika bankrap gagal untuk membayar amaun yang ditentukan oleh KPI semasa tempoh pentadbiran kebangkrapan?

J : Jika bankrap gagal untuk membayar amaun yang ditentukan oleh KPI semasa tempoh pentadbiran kebangkrapan, bankrap gagal untuk mematuhi syarat pelepasan automatik. Oleh itu, KPI boleh menggantung pelepasan automatik bagi tempoh yang tidak melebihi 2 tahun. Semasa tempoh penggantungan, bankrap hendaklah terus melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Akta 360 termasuklah menjelaskan amaun yang tertunggak.

7. S : Apakah penambahbaikan yang telah dibuat kepada peruntukan berkenaan dengan pelepasan secara automatik?

J : Penambahbaikan yang telah dibuat melalui Akta A1695 berhubung dengan peruntukan pelepasan secara automatik adalah seperti yang berikut:

- a) pemansuhan syarat untuk bankrap menyelesaikan amaun sasaran sumbangan atas jumlah hutang yang diperaku dan menggantikannya dengan jumlah bayaran yang ditentukan oleh KPI mengikut kemampuan bankrap;
- b) KPI diberikan kuasa untuk menggantungkan pelepasan automatik sehingga 2 tahun lagi sekiranya bankrap tidak menjalankan kewajipan dan obligasinya di bawah Akta 360; dan

c) KPI mempunyai kuasa untuk meminta bankrap memberikan maklumat berkaitan harta dan pendapatannya kepada KPI.

8. S : Bankrap pernah hadir ke cawangan Mdl, namun bankrap tidak menyerahkan Pernyataan Hal Ehwal (PHE). Adakah bankrap tersebut layak untuk dilepaskan secara automatik di bawah seksyen 33C Akta 360?

J : Bankrap tidak layak untuk pelepasan secara automatik. Penyerahan PHE adalah syarat utama yang melayakkan bankrap untuk dilepaskan secara automatik. Tempoh 3 tahun bagi pelepasan bankrap secara automatik dikira bermula dari tarikh penyerahan PHE.

9. S : Adakah pelepasan bankrap bermaksud bankrap akan dilepaskan daripada semua hutang termasuk hutang berkanun?

J : Pelepasan bankrap tidak melepaskan tanggungjawab bankrap untuk menyelesaikan hutang berkanun termasuklah hutang kepada Kerajaan. Oleh itu, bankrap hendaklah membayar hutang berkenaan.

10. S : Setelah bankrap dilepaskan, apakah status aset bankrap yang telah diletak hak kepada KPI dan tidak sempat dihasilkan sepanjang tempoh pentadbiran?

J : Pelepasan bankrap tidak menjejaskan peranan dan tanggungjawab Ketua Pengarah Insolvensi untuk meneruskan tindakan penghasilan yang belum selesai

ke atas aset bankrap untuk tujuan pembayaran dividen kepada pemiutang.

11 S : Bagaimanakah bankrap boleh dilepaskan secara automatik?

J : Tempoh 3 tahun bagi pelepasan bankrap secara automatik dikira bermula dari tarikh penyerahan Penyataan Hal Ehwal (PHE). Sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum tempoh 3 tahun tersebut berakhir, KPI akan mengeluarkan notis yang berikut:

a) Notis pelepasan, jika bankrap memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan di bawah seksyen 33C. Bankrap akan dilepaskan secara automatik selepas tempoh 3 tahun tersebut berakhir; atau

b) Notis penggantungan, jika bankrap gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan atau gagal menjalankan kewajipan dan obligasi di bawah Akta 360. Pelepasan bankrap boleh ditangguhkan oleh KPI sehingga 2 tahun dan akan dilepaskan secara automatik selepas tempoh tersebut berakhir.

12. S : Adakah pemiutang boleh membantah notis pelepasan automatik yang dikeluarkan oleh KPI?

J : Ya. Dalam tempoh 21 hari setelah menerima notis pelepasan tersebut, pemiutang boleh membantah pelepasan automatik dengan memfailkan permohonan penggantungan pelepasan bankrap di mahkamah. Jika Mahkamah menerima bantahan pemiutang, Mahkamah akan menggantung pelepasan

automatik untuk tempoh 2 tahun. Bankrap akan dilepaskan secara automatik selepas tempoh penggantungan berakhir.

13. S : Apakah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan bankrap semasa pentadbiran kebangkrapan bagi membolehkan pelepasan secara automatik?

J : Selepas bankrap menyerahkan pernyataan hal ehwal kepada KPI, bankrap bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara yang berikut:

- i. Membuat pembayaran dalam jumlah yang telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Insolvensi (yang mengikut kemampuan kewangan bankrap) bagi tujuan pentadbiran kebangkrapan;
- ii. Menghantar penyata pendapatan dan perbelanjaan setiap 6 bulan sepanjang tempoh pentadbiran;
- iii. Membekalkan maklumat dan dokumen yang diminta oleh KPI untuk tujuan pentadbiran kebangkrapan; dan
- iv. Menjalankan tanggungjawab yang ditetapkan sebagaimana dinyatakan di dalam Akta 360.

14. S : Siapakah yang layak untuk dilepaskan daripada kebangkrapan secara automatik?

J : Bankrap yang telah menyerahkan pernyataan hal ehwal kepada KPI dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan layak dilepaskan secara automatik. Seksyen 33C yang

terpinda juga terpakai kepada kes kebangkrapan sebelum Akta A1695 berkuat kuasa.

15. S : Sekiranya bankrap gagal melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Akta 360, sebagai contoh bankrap tidak membayar jumlah wang yang diarahkan oleh KPI bagi pentadbiran kebangkrapan, bolehkah bankrap dilepaskan daripada kebangkrapan?

J : Dalam keadaan tersebut, KPI boleh mengeluarkan notis untuk menggantungkan pelepasan bankrap untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Dalam tempoh penggantungan, kes bankrap ditadbir seperti biasa dan bankrap hendaklah terus melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Akta 360 termasuklah membayar jumlah wang yang diarahkan tersebut. Bankrap akan dilepaskan selepas tamat tempoh tersebut.

(ii) Seksyen 33C berkuat kuasa secara retrospektif

1. S : Adakah bankrap yang telah menerima perintah kebangkrapan sebelum kuat kuasa Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 [Akta 1695] layak dilepaskan secara automatik?

J : Ya. Bankrap yang telah menerima perintah kebangkrapan sebelum kuat kuasa Akta A1695 layak dilepaskan secara automatik sekiranya memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- (i) Tempoh masa 3 tahun yang dikira dari tarikh bankrap menyerahkan pernyataan hal ehwal telah berakhir;
- (ii) Bankrap telah membayar jumlah wang seperti yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Insolvensi ke dalam estet kebankrapannya; dan
- (iii) Bankrap telah menghantar penyata pendapatan dan perbelanjaan setiap 6 bulan kepada Ketua Pengarah Insolvensi.

Peruntukan yang terlibat ialah seksyen 16 Akta 1695.

2. S : Adakah bankrap yang telah menyerahkan pernyataan hal ehwal (PHE) dan telah melepasi tempoh 3 tahun yang dikira dari tarikh pemfailan PHE, akan dilepaskan secara automatik dengan serta merta setelah Akta Insolvensi (Pindaan) 2023 [*Akta 1695*] berkuat kuasa.

J : Bagi kes yang ditadbir sebelum kuat kuasa Akta A1695, pelepasan automatik tidak akan berlaku secara serta merta. Mdl hendaklah menyemak kedudukan kes bankrap sama ada bankrap telah memenuhi semua syarat-syarat pelepasan automatik yang ditetapkan. Mdl akan mengeluarkan notis pelepasan automatik atau notis penggantungan pelepasan secara automatik, mengikut keadaan setiap kes dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kuat kuasa Akta A1695.

3. S : Bagaimanakah bankrap yang telah memfailkan pernyataan hal ehwal dan telah melepasi tempoh 3 tahun boleh mendapatkan status pelepasan atau penggantungan kesnya?

J : Bankrap boleh menghubungi cawangan Mdl yang mentadbir kes bankrap untuk memperoleh maklumat lanjut.

4. S : Abu telah diisytihar bankrap pada tahun 2019 dan telah memfailkan pernyataan hal ehwal pada tahun yang sama. Adakah Abu layak untuk mendapat pelepasan secara automatik?

J : Pada tarikh kuat kuasa Akta A1695, pernyataan hal ehwal yang difailkan oleh Abu (pada tahun 2019) telah melepasi tempoh 3 tahun. Oleh itu, Mdl akan menyemak kedudukan kes Abu bagi tujuan penghantaran notis pelepasan atau penggantungan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kuat kuasa Akta A1695. Sekiranya Abu telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah seksyen 33C Akta 360, Abu akan dilepaskan secara automatik. Namun, jika Abu tidak memenuhi syarat tersebut, pelepasan automatik akan digantung oleh KPI untuk tempoh sehingga 2 tahun lagi. Kes Abu akan terus ditadbir oleh KPI dan Abu hendaklah terus melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Akta 360. Abu akan dilepaskan secara automatik selepas tempoh penggantungan berakhir.

5. S : Ani telah diisytiharkan bankrap pada tahun 2015 dan telah menyerahkan Pernyataan Hal Ehwal pada tahun 2017. Namun Ani gagal membuat amaun bayaran bulanan yang ditentukan oleh KPI ke dalam eset kebankrapannya secara konsisten dan terdapat jumlah bayaran yang tertunggak. Adakah Ani boleh dilepaskan secara automatik setelah pindaan ini berkuat kuasa?
- J : Pada tarikh kuat kuasa Akta A1695, pernyataan hal ehwal yang difailkan oleh Ani (pada tahun 2017) telah melepasi tempoh 3 tahun. Oleh itu Mdl akan menyemak kedudukan kes Ani bagi tujuan penghantaran notis pelepasan atau penggantungan. Memandangkan Ani tidak memenuhi syarat kerana tidak menjalankan tanggungjawabnya untuk membuat bayaran amaun bulanan secara konsisten kepada KPI, pelepasan Ani akan digantung sehingga tempoh 2 tahun lagi. Kes Ani akan ditadbir seperti biasa dan Ani hendaklah terus menjalankan tanggungjawabnya termasuklah membayar amaun yang tertunggak semasa tempoh penggantungan. Ani akan dilepaskan secara automatik selepas tempoh penggantungan tamat.

C. Penambahan kategori bankrap yang boleh dilepaskan melalui Sijil KPI tanpa melalui bantahan pemiutang di bawah seksyen 33B(2A) Akta Insolvensi 1967 [Akta 360]

1. S : Apakah yang dimaksudkan dengan pelepasan daripada kebangkrapan melalui pengeluaran sijil Ketua Pengarah Insolvensi?

J : Pelepasan melalui pengeluaran Sijil KPI merupakan salah satu cara seseorang bankrap boleh dilepaskan daripada kebangkrapan dan hanya terpakai jika kes kebangkrapan telah ditadbir melebihi 5 tahun. Peruntukan seksyen 33A Akta 360 memperuntukkan pelepasan melalui pengeluaran Sijil KPI dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi.

2. S : Apa yang dimaksudkan dengan pelepasan tanpa bantahan pemiutang di bawah subseksyen 33B(2A) Akta 360?

J : Bagi pelepasan bankrap melalui sijil KPI, pemiutang mempunyai hak untuk membantah ke atas niat KPI untuk memberikan pelepasan kepada bankrap. Walau bagaimanapun, jika bankrap termasuk dalam kategori-kategori individu yang dinyatakan di bawah subseksyen 33B(2A) Akta 360, bankrap boleh dilepaskan tanpa perlu melalui prosedur bantahan pemiutang.

3. S : Siapakah individu bankrap yang layak untuk mendapat pelepasan tanpa melalui bantahan pemiutang di bawah subseksyen 33B(2A) Akta 360?

J : Sebelum Akta A1695 berkuat kuasa, subseksyen 33B(2A) Akta 360 memperuntukkan 4 kategori individu yang layak mendapat pelepasan tanpa bantahan pemiutang seperti yang berikut :-

- (a) Bankrap yang merupakan penjamin sosial
- (b) Bankrap yang didaftarkan sebagai OKU
- (c) Bankrap yang telah meninggal dunia; dan
- (d) Bankrap yang mengalami penyakit serius sebagaimana yang diperakui oleh pegawai perubatan kerajaan.

Selepas Akta A1695 berkuat kuasa, terdapat 2 lagi kategori bankrap yang ditambah iaitu:

- (a) Bankrap yang tidak boleh mengurus diri dan hal ehwalnya disebabkan sakit mental berdasarkan perakuan pakar psikiatri hospital Kerajaan; dan
- (b) Bankrap yang berusia 70 tahun dan ke atas yang pada pendapat dan pertimbangan budi bicara Ketua Pengarah Insolvensi bankrap tidak berupaya untuk menyumbang kepada estet kebangkrapan.

4. S : Apakah yang dimaksudkan sebagai tidak lagi mampu menyumbang kepada pentadbiran estet bagi bankrap yang berumur 70 tahun ke atas di bawah seksyen 33B(2A) Akta 360?

J : Bankrap yang tidak lagi mampu menyumbang kepada pentadbiran estet merujuk kepada keadaan bankrap yang disebabkan oleh kesihatannya atau atas sebab-sebab lain

yang menyebabkan bankrap tidak lagi berkeupayaan/berkemampuan untuk melakukan pekerjaan dan menjana pendapatan atau tidak mempunyai sumber pendapatan daripada apa-apa punca lain. Sekalipun bankrap mempunyai pendapatan, pendapatannya itu tidak mencukupi untuk bankrap membuat sumbangan bayaran ke dalam estet kebangkrutan. KPI akan mempertimbangkan hal keadaan setiap kes dan menggunakan budi bicaranya sebelum mengeluarkan notis niat melepaskan bankrap melalui sijil KPI.

5. S : Sekiranya bankrap telah diperaku oleh pakar psikiatrik daripada hospital kerajaan sebagai tidak mampu untuk menguruskan diri sendiri akibat kecelaruan mental seperti takrifan di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 215], bagaimanakah perkara tersebut boleh disampaikan kepada Jabatan Insolvensi Malaysia agar bankrap boleh dilepaskan di bawah seksyen 33B(2A) Akta 360?
- J : Ahli keluarga atau waris termasuk mana-mana wakil yang mempunyai hubungan rapat dengan bankrap dan diperaku oleh KPI boleh memohon bagi pihak bankrap dan melampirkan dokumen sokongan yang diperlukan.
6. S : Encik Ahmad telah diisytiharkan bankrap pada 1 April 2014. Encik Ahmad pernah hadir ke Jabatan Insolvensi untuk pentadbiran kes serta ada membuat bayaran ansuran bulanan. Sekarang Encik Ahmad telah berumur 71 tahun, kesihatannya tidak baik dan tidak mampu untuk membuat

bayaran ansuran bulanan kerana tidak mampu lagi bekerja. Bolehkah dia diberikan pelepasan daripada kebangkrapan?

J : Pindaan ke atas peruntukan seksyen 33B(2A) terpakai kepada kes kebangkrapan yang ditadbir sebelum kuat kuasa Akta A1695. Oleh itu, Encik Ahmad boleh memaklumkan keadaannya dan membuat permohonan untuk pelepasan melalui sijil KPI. Encik Ahmad hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti maklumat kesihatan dan penyata pendapatan dan perbelanjaan 6 bulan bagi menyokong alasan tidak mampu lagi menyumbang kepada estet kebangkrapan. KPI akan memberikan pertimbangan kepada permohonan tersebut dan sekiranya permohonan tersebut dibenarkan, pemiutang tidak boleh membantah atas keputusan KPI untuk mengeluarkan sijil pelepasan KPI.

7. S : Bolehkah bankrap memohon untuk pelepasan melalui pengeluaran Sijil KPI?

J : Bankrap boleh membuat permohonan pelepasan melalui sijil KPI setelah kes kebangkrapannya ditadbir sekurang-kurangnya 5 tahun dari tarikh perintah kebangkrapan dibuat.

8. S : Bolehkah pemiutang membantah pelepasan yang diberikan kepada kategori-kategori yang dinyatakan di bawah seksyen 33B(2A) Akta 360?

- J : Tidak. Pemiutang tidak boleh membantah kepada pelepasan bankrap melalui sijil KPI jika bankrap termasuk dalam kategori khas di bawah seksyen 33B(2A) Akta 360.
9. S : Encik Abu adalah seorang bankrap yang mengalami penyakit mental '*bipolar disorder*'. Apabila Encik Abu mengambil ubatannya, dia boleh bertindak waras. Namun, jika dia berhenti mengambil ubat, kelakuannya menjadi seorang yang tidak waras. Adakah Encik Abu layak dilepaskan melalui sijil KPI kerana sakit mental memandangkan tempoh pentadbiran kes Abu telah menjangkau 8 tahun?
- J : Encik Abu boleh membuat permohonan kepada KPI untuk pelepasan melalui Sijil KPI dengan menyertakan dokumen sokongan kerana kes kebankrapannya telah melebihi 5 tahun. KPI akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap hal keadaan encik Abu dan semua perkara yang terlibat dalam pentadbiran kebankrapan. Namun, sekiranya KPI mengeluarkan notis niat untuk pelepasan encik Abu melalui sijil KPI, pemiutang masih boleh membantah atas pelepasan encik Abu kerana dia bukanlah termasuk dalam kategori bankrap yang tidak mampu menguruskan hal ehwal dirinya disebabkan sakit mental, seperti takrifan di bawah Akta Kesihatan Mental 2001 [*Akta 215*].
10. S : Saya sering mengalami '*stress*' akibat tekanan di tempat kerja. Adakah saya termasuk kategori bankrap yang

mengalami sakit mental yang boleh dilepaskan melalui Sijil KPI?

J : Pesakit mental yang layak mendapat pelepasan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) tanpa bantahan daripada pemiutang mestilah daripada golongan yang tidak mampu menguruskan dirinya sendiri akibat kecelaruan mental sebagaimana tafsiran Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 215] dan hendaklah diperakukan oleh pakar psikiatri daripada Hospital Kerajaan.

11. S : Saya telah diisytiharkan bankrap 7 tahun yang lalu. Sekarang usia saya 73 tahun dan saya tidak mampu lagi bekerja kerana masalah kesihatan. Dengan pindaan kepada Akta 360 ini, adakah saya akan dilepaskan secara automatik memandangkan pemiutang tidak boleh membantah atas pelepasan saya?

J : Bankrap telah melepasi umur 70 tahun dan tidak mampu bekerja atas masalah kesihatan. Namun, pelepasan bankrap tidak berlaku secara automatik. KPI boleh menggunakan budi bicaranya untuk memberikan pelepasan melalui sijil KPI sekiranya KPI berpuas hati bankrap memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Dalam hal ini, sekiranya KPI mengeluarkan notis pelepasan melalui sijil KPI, pemiutang tidak boleh membantah keputusan KPI tersebut (subperenggan 33B(2A)(f) Akta 360).

D. Pemansuhan Mesyuarat Pertama Pemiutang

1. S : Apakah Mesyuarat Pertama Pemiutang?
J : Mesyuarat pertama pemiutang adalah mesyuarat yang diadakan dengan segera selepas perintah kebankrapan diberikan bagi mempertimbangkan cadangan penyelesaian daripada bankrap melalui skim atau komposisi dan cadangan berkenaan pengurusan harta bankrap. Sebelum pindaan, seksyen 15 dan Jadual A, Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] memperuntukkan Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) mempunyai kewajipan untuk memanggil mesyuarat pertama pemiutang dalam tempoh 2 bulan bagi (petisyen penghutang atau 3 bulan (petisyen pemiutang) selepas perintah kebankrapan diberikan.

2. S : Apakah pindaan yang dibuat terhadap pelaksanaan mesyuarat pertama pemiutang.
J :
 - i) Seksyen 15 dan Jadual A, Akta Insolvensi 1967 [*Akta 360*] dipinda untuk memansuhkan kewajipan Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) untuk memanggil mesyuarat pertama pemiutang dalam tempoh 2 bulan bagi (petisyen penghutang atau 3 bulan (petisyen pemiutang) selepas perintah kebankrapan.
 - ii) Oleh itu, semua perkataan yang merujuk kepada “mesyuarat pertama pemiutang” dipinda kepada mesyuarat pemiutang.

iii) Walau bagaimanapun, mesyuarat untuk mempertimbangkan cadangan penyelesaian daripada bankrap melalui skim atau komposisi dan pengurusan harta bankrap yang dinyatakan dalam seksyen 15 masih boleh diadakan mengikut keperluan.

3. S : Mengapakah kewajipan Ketua Pengarah Insolvensi untuk mengadakan Mesyuarat Pertama Pemiutang dimansuhkan?

J : Tujuan mesyuarat pertama pemiutang adalah untuk mempertimbangkan cadangan penyelesaian daripada bankrap melalui skim atau komposisi dan pengurusan harta bankrap dengan segera selepas perintah kebankrapan diberikan. Walau bagaimanapun, mesyuarat ini kerap tertangguh disebabkan perkara-perkara berikut:

- a) Tiada skim atau komposisi yang dicadangkan; dan
- b) Tiada kehadiran pemiutang-pemiutang dan bankrap pada tarikh yang telah ditetapkan.

Keadaan ini menyebabkan berlakunya pembaziran masa dan kos serta melengahkan proses pentadbiran.

4. S : Bagaimanakah pemansuhan mesyuarat pertama pemiutang boleh mempercepat proses pentadbiran kebankrapan?

J : Dengan pindaan tersebut, mesyuarat pemiutang untuk mempertimbangkan cadangan bankrap berkenaan skim atau komposisi dan pengurusan harta bankrap hanya

akan diadakan mengikut keperluan. Perkara ini dapat mengatasi kelengahan pentadbiran yang berlaku, menjimatkan masa dan kos pentadbiran. Pentadbiran harta bankrap juga boleh terus dijalankan tanpa perlu menunggu apa-apa mesyuarat pemiutang dijalankan.

E. Penggunaan teknologi komunikasi jarak jauh dalam pentadbiran kebankrapan

1. S : Apakah pindaan berhubung penggunaan teknologi komunikasi jarak jauh melalui Akta A1695?
J : Pindaan dibuat untuk memasukkan peruntukan berkenaan penggunaan teknologi komunikasi jarak jauh dalam pentadbiran kebankrapan khususnya dalam pengendalian mesyuarat pemiutang. Oleh itu, mesyuarat pemiutang boleh dijalankan melalui sidang video atau apa-apa komunikasi elektronik yang lain sebagai alternatif kepada kehadiran secara fizikal.

2. S : Apakah yang dimaksudkan dengan komunikasi teknologi jarak jauh?
J : Komunikasi teknologi jarak jauh merujuk kepada satu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain.

3. S : Sekiranya bankrap bekerja dan menetap di negeri berlainan, adakah terdapat keperluan untuk bankrap hadir

ke mesyuarat pemiutang secara fizikal sekiranya dipanggil?

J : Dengan adanya peruntukan berkenaan penggunaan teknologi komunikasi jarak jauh dalam urusan pentadbiran kebangkrapan, mesyuarat tersebut boleh diadakan secara atas talian atau sidang video. Bankrap boleh memaklumkan kesulitan yang dihadapi kepada Mdl. Mesyuarat pemiutang boleh dijalankan dengan menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh.

F. Penyerahan notis dan dokumen dalam pentadbiran kebangkrapan secara komunikasi elektronik

1. S : Apakah yang dimaksudkan dengan serahan notis dan dokumen secara elektronik?

J : Akta 360 telah dipinda untuk membolehkan penyerahan notis dan dokumen dalam hal pentadbiran dan urusan kebangkrapan secara kaedah komunikasi elektronik seperti penghantaran melalui e-mel. Seksyen 130 Akta 360 dan Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 menetapkan persetujuan bertulis pihak-pihak yang terlibat adalah diperlukan. Penyerahan notis dan dokumen secara komunikasi elektronik merupakan kaedah alternatif selain menggunakan serahan secara pos prabayar berdaftar.

G. Harta bankrap yang tidak boleh dibahagikan antara pemiutang

1. S : Apakah pindaan yang dibuat kepada subperenggan 48(1)(a)(ii) Akta 360 berkenaan dengan harta bankrap yang tidak boleh dibahagikan dalam kalangan pemiutang?

J : Sebelum pindaan, nilai keseluruhan harta bankrap yang dikecualikan pembahagian di antara pemiutang yang terdiri daripada alatan bekerja dan keperluan asas bankrap (termasuk isteri dan anaknya) adalah tidak melebihi RM5,000.00. Selepas pindaan, pengasingan had nilai dibuat ke atas alatan bekerja dan keperluan asas seperti yang berikut:

(i) Had nilai alatan bekerja: tidak melebihi RM20,000.00;

(ii) Had nilai keperluan asas: tidak melebihi RM10,000.00.

Selain itu, nilai-nilai yang dinyatakan di atas kini dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 dan tidak lagi diletakkan dalam Akta ibu. Oleh itu, nilai-nilai tersebut boleh disemak daripada semasa ke semasa dan dinaikkan oleh Menteri mengikut perkembangan ekonomi semasa dan corak ekonomi masyarakat.

2. S : Saya adalah seorang bankrap yang bekerja sebagai penghantar barang dan makanan. Saya mempunyai sebuah motosikal yang bernilai RM18,000.00. Adakah motosikal saya akan diambil oleh Mdl untuk membayar hutang saya?

J : Berdasarkan peruntukan subperenggan 48(1)(a)(ii) Akta 360 dan Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017, motosikal tersebut adalah alatan bekerja dan nilainya tidak melebihi RM20,000.00. Oleh itu motosikal tersebut adalah harta bankrap yang dilindungi daripada dihasilkan dan diagihkan bayaran kepada pemiutang.

H. Semakan nilai bagi kelayakan kes ditadbir secara ringkas

1. S : Apakah pentadbiran ringkas dan apakah kelebihanannya?

J : Pentadbiran ringkas terpakai kepada kes kebangkrapan yang tidak kompleks. Antara kelebihan pentadbiran ringkas adalah ia melibatkan prosedur yang ringkas. Sebagai contoh, pembayaran dividen dibuat sekali sahaja dan jumlah pengiklanan notis juga dihadkan. Oleh itu, ia menjimatkan masa dan kos pentadbiran.

2. S : Apakah kelayakan untuk kes kebangkrapan ditadbir secara pentadbiran ringkas.

J : Kes yang layak ditadbir secara pentadbiran ringkas adalah seperti yang berikut:

(i) Kes yang mempunyai aset yang kecil (seksyen 106 Akta 360); dan

(ii) Bankrap seorang penerima gaji minima (seksyen 107 dan 108 Akta 360).

Mdl akan memeriksa maklumat bankrap dalam Pernyataan Hal Ehwal yang diserahkan oleh bankrap dan sekiranya

bankrap layak, Mdl akan memohon kepada Mahkamah untuk kes bankrap ditadbir secara pentadbiran ringkas.

3. S : Apakah yang dimaksudkan dengan kes yang mempunyai estet kecil atau kebankrapan kecil?

J : Kes estet kecil atau kebankrapan kecil adalah kes kebankrapan yang berkemungkinan mempunyai nilai aset yang kecil, setelah ditolak bayaran kepada pemiutang bercagar ke atas cagarannya (jika ada). Nilai aset yang kecil ini iaitu RM40,000.00 melayakkan kes tersebut ditadbir secara pentadbiran ringkas.

4. S : Apakah pindaan yang terlibat dalam kes kebankrapan kecil?

J : Sebelum pindaan, nilai kes kebankrapan kecil ditetapkan sebanyak RM10,000.00 dalam seksyen 106 Akta 360. Nilai ini telah disemak dan dinaikkan kepada RM40,000.00. Selain daripada itu, nilai tersebut telah ditetapkan oleh Menteri dalam Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 dan boleh disemak dan dinaikkan dari semasa ke semasa.

5. S : Bagaimanakah penerima gaji atau *wage earner* layak untuk kes kebankrapannya ditadbir secara pentadbiran ringkas?

J : Penerima gaji yang menerima gaji dan upah yang kecil layak untuk kes kebankrapannya ditadbir secara ringkas. Sebelum pindaan, hanya penerima gaji yang tidak melebihi RM500.00 sebulan atau upah tidak melebihi RM50.00 sebulan layak untuk kesnya ditadbir secara ringkas.

Selepas pindaan, had nilai gaji tersebut telah dinaikkan kepada RM2,000.00 dan had nilai upah pula dinaikkan kepada RM500. Di samping itu, nilai-nilai tersebut ditetapkan oleh Menteri dalam Kaedah-Kaedah Insolvensi 2017 dan boleh dipinda dari semasa ke semasa jika terdapat keperluan.